# Membaca Kitab Tib Melalui Kacamata Perubatan Moden



Abdul Ghani Hussain MBChB (Cairo)

WACANA MANUSKRIP MELAYU BIL 2/2018
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
15HB MEI 2018

# KANDUNGAN PEMBENTANGAN

- MUKADIMAH
- PENELITIAN MANUSKRIP
- TAFSIRAN
- KAJIAN LANJUTAN
- KESIMPULAN



# MUKADIMAH



# PROSES PENELITIAN MANUSKRIP PERUBATAN MELAYU

- Proses pembersihan manuskript
- Transliterasi
- Analisa

# PROSES PEMBERSIHAN MANUSKRIP






# PROSES PEMBERSIHAN MANUSKRIP





# PROSES PEMBERSIHAN MANUSKRIP






# TRANSLITERASI



## 01 BAB KULIT AYAM ATAU BADAM [5 pages]

1

BAB PADA MENYATAKAN UBAT KULIT AYAM ATAU BADAM, iaitu asal daripada penyakit yang jahat. Mula-mula ia naik itu seperti panau bertompok bulat tetapi di dalamnya menggerutu seperti kulit ayam yang dicabut bulunya.

001.001 Ambil ubatnya, ambil akar susuh ayam dan akar lada pahit dan akar durian jantan dan akar saga besar. Maka semuanya itu ambil, masak, beri minum. Apabila tawar air itu buangkan rempah-rempah itu bubuh rempah-rempah baharu maka rebus, minum hingga sembuh. Ini ubat penggosok tubuhnya tatkala mandi sehari-hari supaya segera hilang bisanya. Ambil daun pembantut tanjung maka gulung bulat-bulat gosokkan pada seluruh tubuhnya. Afiat. Ini ubat bedaknya tatkala sudah mandi itu. Ambil buah jerangkang dan hujung melukut mata kunyit, giling lumat-lumat bedakkan seluruh tubuhnya. Afiat.

001.002 SEBAGAI LAGI, ubat badam iaitu segala tubuh orang yang sakit itu habis semuanya bengkak. [Ambil] cengkih dan terusi dan tawas. Maka semuanya itu sama banyak. Sudah itu giling lumat-lumat, bubuh di dalam minyak lenga, pudi, beri mesra-mesra. Maka lumurkan minyak itu pada penyakit badam itu. Afiat. Ini ubat minumnya di dalam. Ambil buah pala sebutir dan cengkih tujuh kuntum dan halia bara dan jelawai dan jekeling [jelawai keling] dan buah manjakani dan bawang kedua sebutir dan jintan hitam tiga jemput. Maka rebus semuanya itu, Jika air seling tinggal tengah ling. Minum. Afiat.

001.003 SEBAGAI LAGI, ubat badam urat. Ambil putik limau purut tujuh butir dan bawang putih tiga labu dan jintan kedua sepengapit dan daun susu harimau segenggam erat. Giling lumat-lumat dengan air cendana. Maka hancurkan dengan air. Maka urut pada segala tubuhnya yang sakit. Afiat.

001.004 SEBAGAI LAGI, ubat badam. Ambil [limau] purut tiga butir. Maka rebus semuanya masak-masak. Rebus dengan minyak lenga secawan. Maka urutkan pada segala tempat yang sakit itu. Afiat.

001.005 SEBAGAI LAGI, ubat badam yang naik gatal. Maka ambil akar menjarum putih dan cendana. Maka asah keduanya. Sudah, maka lumurkan pada seluruh tubuhnya. Afiat.

# BELAJAR MEMBACA JAWI



# TRANSLITERASI


باب اين اوبة ساكة هاتي امبل هغكو دان ليمونيفيس امبل ايرن
تارۏ دچاون بري هغكو سبسر كاچڠ فوته بوبهكن كدلمڽ ستله كمبڠله
هغكو ايت مك تلن تيك فاكي عافية سبكيلاك اوبة ساكة هاتي يڠ تلنتڠ
تيارف تياد بوليه برنفس امبل توبا ستڠه روس تلنجوق تيك كرة مك
اسه لومركن فد هاتي انشاء الله تعالى عافية سبكيلاك اوبة هاتي
مدو امبل بواه كورق تيك بوتر امبل ايسين دان جك داونڽ فون بايك دان
جنتن هيتم سديكة دان جموج دان باوڠ فوتيه توجه اولس دان كارم سبوك
مك كيليڠ لومة٢ انتل بارڠ تيك هاري سبكيلاك اوبة ساكة هاتي
يڠ تياد برنافس امبل كفورلاك دان كولة مانس فيفس لومة٢ بوبه
اير مدو مك مينم تيك فاكي عافية سبكيلاك اوبة ساكة هاتي مك

- Bab ini ubat sakit hati ambil hinggu dan limau nipis ambil airnya taruh di cawan beri hinggu sebesar kacang putih bubuh ke dalamnya setelah kembanglah hinggu itu maka telan tiga pagi afiat.

- Sebagai lagi ubat sakit hati yang telentang tiarap tiada boleh bernafas ambil tuba setengah ruas telunjuk tiga kerat maka asah lumurkan pada hati Insha Allah Ta'ala afiat.

- Sebagai lagi ubat hati medu ambil buah gorek tiga butir ambil isi dan jika daunnya pun baik dan jintan hitam sedikit dan jemuju dan bawang putih tujug ulas dan garam sebuku maka giling lumat-lumat intil barang tiga hari.

- Sebagai lagi ubat sakit hati yang tiada bernafas ambil kapurlaga dan kulit manis pipis lumat-lumat bubuh air madu maka minum tiga pagi afiat.

# MEMAHAMI BAHASA MELAYU LAMA



# MEMASUKKAN TANDA BACA


سبکيلاک اوبة سراون بودق اتو اورڠ توه مک امبل ڤڠݢاݢ دان داون
ڤريا دان داون روکو٢ مک باکر امبل ابوڽ مک ݢوسوقکن ڤد ڤوستڽ بودق ايت
اتو اورڠ توه ايت دان لولوتڽ دان تاڤق کاکيڽ دان ڤرݢلڠن تاڠنڽ عافية

Sebagai lagi, ubat serawan budak atau orang tuha maka ambil penggaga dan daun peria dan daun ruku-ruku maka bakar ambil abunya maka gosokkan pada pusatnya budak itu atau orang tuha itu dan lulutnya dan tapak kakinya dan pergelangan tangannya afiat.

# MEMASUKKAN TANDA BACA


سبکيلاکي اوبة سراون بودق اتاو اورڠ توها مک امبيل ڤڠکاک دان داون
ڤريا دان داون روکو٢ مک باکر امبيل هبوڽ مک ڬوسقکن ڤد ڤوستڽ بودق ايت
اتاو اورڠ توها ايت دان لولتڽ دان تاڤق کاکيڽ دان ڤرکلڠن تاڠنڽ عافية

- Sebagai lagi, ubat serawan budak atau orang tua.
- Maka ambil penggaga [pegaga] dan daun peria dan daun ruku-ruku.
- Maka bakar ambil abunya.
- Maka gosokkan pada pusatnya, lulutnya dan tapak kakinya dan pergelangan tangannya budak itu atau orang tua itu.
- Afiat.

# MENAFSIR ILMU DALAM KITAB TIB

- Mentafsir dan mengenal penyakit.
- Memahami konsep rawatan.
- Memahami sifat penyakit.
- Mengenal proses membuat ubat.
- Mengenal bahan-bahan ubat dengan tepat.

# MENGENAL PENYAKIT



Bab pada menyatakan ubat kulit ayam atau badam, iaitu asal daripada penyakit yang jahat. Mula mula ia naik itu seperti panau bertompok bulat tetapi di dalamnya menggerutu seperti kulit ayam yang dicabut bulunya.

# MENGENAL PENYAKIT



Panau



Kulit ayam atau Badam

Bab pada menyatakan ubat kulit ayam atau badam, iaitu asal daripada penyakit yang jahat. Mula mula ia naik itu seperti panau bertompok bulat tetapi di dalamnya menggerutu seperti kulit ayam yang dicabut bulunya.

# CONTOH LAGI

باب اين اوبت دمم سبب

هندق دكتهوي اولهمو افبيل اي ماكن ناسي داون ڬنتث ساكيت ايت لالو دان بركتن

اي كفدان ايردين نتكال تعد مالم ساعة اي هند قلو بجق اينله افعلث دمم ساكيت

همفلو دان لاك جكلو اكن كلو فڠمتان دان متان فوته ميره دان دهك ايردان

هاو موليت دان هيل دغن فانس دان ستوددالم فرتث ابتغون افعلث درفد

همفد وجوك مك لكوكن كال اوبت يڠ فانس دان لاك جكلو سكالي ساكيت ايت بر فانس

دان لالو دان هاوكر ايردان فوته بتيدور دان تو فوت كونيڠ دان قلهن فوته ساڠت

كلور بجسن كدو فوته كونيڠ دان متان فوت كونيڠ اينله افعلث كجدين درفد اصل

دمم فانس مك بري مكن اوبت يڠ بجمت دان لاك جكلو اي ساكيت اي فاكي٢ باڠكي ياءيت

سبب بلغم برجمعو دغن همفد وجك ساكيت درفد تعد هاري ياءيت سبب همفد كهج

جك ساكيت ايت فدا مالم ياءيت سبب اڠين جكلو ساكيت درفد تعد هاري كمغي مالم ياءيت سبب اڠين

برجمعو دغن همفد وجكلو ساكيت درفد مالم كمغي سيڠ ياءيت سبب اڠين دغن بلغم

BAB ini ubat demam sebab hempedu. Ketahui olehmu, apabila ia makan nasi, orang itu sakit itu, lelah dan berkenan ia kepada air dingin. Tatkala tengah malam sangat, ia hendakkan sejuknya, inilah afalnya demam sakit hempedu. Dan lagi, jikalau sakit, kelopak matanya dan matanya pun merah dan dahaga air dan hawa mulutnya dan hidungnya panas dan senak di dalam perutnya. Itu pun af'al daripada hempedu juga. Maka makan segala ubat yang panas. Dan lagi jikalau segala sakit itu sebab panasnya dan lelah dan haus air dan kuat tidur dan muntahnya pun kuning dan peluhnya pun sangat keluar, najisnya kedua pun kuning dan matanya pun kuning inilah afalnya. Kejadiannya daripada asal demam panas maka beri makan ubat yang sejuk. Dan lagi jikalau ia sakit itu, pagi-pagi baik, iaitu sebab balgham bercampur dengan hempedu, jika sakit daripada tengah hari iaitu sebab hempedu sahaja, jika sakit itu pada malam iaitu sebab angin. Jikalau sakit itu daripada tengah hari sampai malam iaitu sebab angin bercampur dengan hempedu. Jikalau sakit itu daripada malam sampai siang iaitu sebab angin dengan balgham.

# Huraiain

BAB ini ubat demam sebab hempedu. Ketahui olehmu, apabila ia makan nasi, orang itu sakit itu, lelah dan berkenan ia kepada air dingin. Tatkala tengah malam sangat, ia hendakkan sejuknya, inilah afalnya demam sakit hempedu. Dan lagi, jikalau sakit, kelopak matanya dan matanya pun merah dan dahaga air dan hawa mulutnya dan hidungnya panas dan senak di dalam perutnya. Itu pun af'al daripada hempedu juga. Maka makan segala ubat yang panas. Dan lagi jikalau segala sakit itu sebab panasnya dan lelah dan haus air dan kuat tidur dan muntahnya pun kuning dan peluhnya pun sangat keluar, najisnya kedua pun kuning dan matanya pun kuning inilah afalnya. Kejadiannya daripada asal demam panas maka beri makan ubat yang sejuk. Dan lagi jikalau ia sakit itu, pagi-pagi baik, iaitu sebab balgham bercampur dengan hempedu, jika sakit daripada tengah hari iaitu sebab hempedu sahaja, jika sakit itu pada malam iaitu sebab angin. Jikalau sakit itu daripada tengah hari sampai malam iaitu sebab angin bercampur dengan hempedu. Jikalau sakit itu daripada malam sampai siang iaitu sebab angin dengan balgham.

Symptomatologi penyakit hempedu:

1. Sakit apabila makan nasi.
2. Lelah.
3. Suka air dingin.
4. Sejuk diwaktu malam.
5. Kelopak mata dan mata merah
6. Dahaga air
7. Hawa dari mulut dan hidung panas
8. Senak dalam perut

Variasi penyakit:

1. Sakit berasal dari panas – Lelah, haus air, kuat tidur, kuat berpeluh, muntah kuning, najis keduanya dan mata kuning.


SYMPTOMS OF MALARIA
Headache
Fever
Fatigue
Muscel pain
Back pain
Chills
Sweating
Dry cough
Enlarge-ment
Nausea
Vomiting

# MEMAHAMI KONSEP RAWATAN



Bab pada menyatakan ubat kurap daun sirih namanya. Rupanya seperti penyakit badam maka berbadam-badam.

- **Akan ubatnya,** ambil daun gelenggang besar maka giling lumat-lumat ambil patinya dan air limau nipis sebutir dan minyak lenga dan tuba tikus sedikit. Maka tuba tikus itu dibakar dahulu. Maka giling lumat-lumat. Maka campurkan. Sudah itu, maka masakkan kira-kira mendidih. Maka angkat. Maka bubuhlah pada tempat sakit itu kira sembuhlah.
- **Maka perbuat pula ubat ini supaya kumannya naik makan**. Maka ambil putih telur ayam. Maka sapukan pada tempat yang sudah sembuh itu. Jikalau sudah naik kumannya itu, maka bubuh pula ubat yang dahulu itu.
- **Jikalau sudah sembuh benar-benar maka buat pula ubat ini supaya jangan naik lagi**. Maka ambil minyak lilan. Maka bubuh pada tempat yang sudah sembuh itu afiat.

# MEMAHAMI KONSEP RAWATAN

- **Mengubat**
- **Kaji kesempurnaan rawatan yang diberi**
- **Mengelak dari penyakit berulangan**

Bab pada menyatakan ubat kurap daun sirih namanya. Rupanya seperti penyakit badam maka berbadam-badam.

- **Akan ubatnya,** ambil daun gelenggang besar maka giling lumat-lumat ambil patinya dan air limau nipis sebutir dan minyak lenga dan tuba tikus sedikit. Maka tuba tikus itu dibakar dahulu. Maka giling lumat-lumat. Maka campurkan. Sudah itu, maka masakkan kira-kira mendidih. Maka angkat. Maka bubuhlah pada tempat sakit itu kira sembuhlah.
- **Maka perbuat pula ubat ini supaya kumannya naik makan**. Maka ambil putih telur ayam. Maka sapukan pada tempat yang sudah sembuh itu. Jikalau sudah naik kumannya itu, maka bubuh pula ubat yang dahulu itu.
- **Jikalau sudah sembuh benar-benar maka buat pula ubat ini supaya jangan naik lagi**. Maka ambil minyak lilan. Maka bubuh pada tempat yang sudah sembuh itu afiat.

# MEMAHAMI SIFAT PENYAKIT





angin = ruang + angin
api = api + air
air = air + tanah

# MENGENAL PENYAKIT

**Penyakit Serawan atau guam:**

- Penyakit dalam mulut yang tumbuh berbintik-bintik.





**Sifat penyakit:**

- Panas
- Lembab

# MENGENAL PROSES MEMBUAT UBAT



سبلاݢي اوبت سروان اتو بودق اوبت يڠ منجادي
کوام امبل ترسي دان کاچو دان جينتن کدوا مک امبيل سام تيمبڠ مک کيلڠ لومت٢ امبل ايڽور
هيجاو يڠ ماسق سبوتير جاديکن سنتن مساقکن سنتن ايت کير٢ همڤير اکن تربيت مڽق
مک توڠکن اوبت ايت مک ماسقکن هيڠݢ جادي مڽق مک امبيل مڽق ايت بوبوهکن کڤد
ڤڽاکيت ايت عافية

SEBAGAI LAGI, ubat serawan atau budak ubat yang menjadi guam. Ambil terusi dan kacu dan jintan kedua. Maka ambil sama timbang. Maka giling lumat-lumat. Ambil nyiur hijau yang masak sebutir jadikan santan. Masakkan santan itu kira-kira hampir akan terbit minyak. Maka tuangkan ubat itu. Maka masakkan hingga jadi minyak. Maka ambil minyak itu bubuhkan kepada panyakit itu. Afiat.

- Ambil terusi, kacu, jintan kedua. Semuanya sama beratnya.
- Giling hingga lumat.
- Ambil sebutir nyiur hijau yang masak, ambil santannya.
- Tanak hingga hampir terbit minyak.
- Masukkan ubat itu dan teruskan tanak hingga jadi minyak.

# MENGENAL BAHAN-BAHAN DENGAN TEPAT

- Ambil terusi, kacu, jintan kedua. Semuanya sama beratnya.
- Giling hingga lumat.
- Ambil sebutir nyiur hijau yang masak, ambil santannya.
- Tanak hingga hampir terbit minyak.
- Masukkan ubat itu dan teruskan tanak hingga jadi minyak.

| NAMA DALAM KITAB | NAMA SAINTIFIK |
|---|---|
| **TERUSI** | Copper sulphate |
| **KACU** | *Acacia catechu* |
| **JINTAN HITAM** | *Nigella sativa* |
| **JINTAN PUTIH** | *Cuminum cyminum* |
| **SANTAN NYIUR HIJAU YANG MASAK** | *Cocos nucifera* |

# MENGENAL BAHAN-BAHAN DENGAN TEPAT



1. Terusi
Copper sulphate



2. Kacu
*Acacia catechu*



3. Jintan putih
*Cuminum cyminum*



4. Jintan hitam
*Nigella sativa*



5. Kelapa hijau
*Cocos nucifera*

1. Terusi
2. Kacu
3. Jintan putih
4. Jintan hitam
5. Nyiur hijau

# SATU CONTOH LAGI


مک کيليڠ لومة٢ انتل بارڠتيک هاري سبکيلاک اوبة ساکة هاتي
يڠ تياد برنافس امبيل کفورلاک دان کولة مانس فيفس لومة٢ بوبه
اير مدو مک مينم تيک فاکي عافية سبکيلاک اوبة ساکة هاتي مک

- Sebagai lagi ubat sakit hati yang tiada bernafas ambil kapurlaga dan kulit manis pipis lumat-lumat bubuh air madu maka minum tiga pagi afiat.

# MENYUSUN KEMBALI TRANSLITERASI


مک کيليڠ لومت٢ انتل بارڠتيک هاري سبکيلاک اوبة ساکة هاتي
يڠ تياد برنافس امبيل کڤورلاک دان کولة مانس ڤيڤس لومت٢ بوبه
اير مدو مک مينم تيک ڤاڬي عافية سبکيلاک اوبة ساکة هاتي مک

- Sebagai lagi ubat sakit hati yang tiada bernafas.
- Ambil kapurlaga dan kulit manis.
- Pipis lumat-lumat, bubuh air madu.
- Maka minum tiga pagi afiat.

# Penyakitnya






- Sebagai lagi ubat sakit hati yang tiada bernafas.

# PENELITIAN SATU PRESKRIPSI

**PRESKRIPSI:**

- Kapulaga
- Kulit manis
- Air madu

**PROSES PEMBUATAN UBATNYA:**

- Pipis kapulaga dan kulit manis sehingga lumat.
- Masukkan air madu.

**CARA PENGGUNAAN:**

- Beri minum setiap pagi selama tiga hari.

# BAHAN-BAHAN UBATAN



Kapulaga
*Amomum compactum*



Kulit manis
*Cinnamomum verum*



Air madu
*Honey*

1. Kapulaga
2. Kayu manis
3. Air madu

**PROSES PEMBUATAN UBATNYA:**

- Pipis kapulaga dan kulit manis sehingga lumat.
- Masukkan air madu.

**CARA PENGGUNAAN:**

- Beri minum setiap pagi selama tiga hari.

# CONTOH LAGI


سبکاي لاکي

اوبت سکيت ليهر بغکق يغ تياد بوليه برڤالغ اتو تياد بغکق سکدر سهاج سکيت
ڤون باءيك دان تياد بوليه منلن سکيتڽ دان سرة منلن سکيت ڤون باءيك جوك
اتو ڤناور سکل يغ بيسا ڤون باءيك مک امبيل چندان ميره دان چندان ڤوته
دان بوه ڤرݢم دان کاچو دان تاوس دان منجاکاني دان جکلڠ دان جلاوي يغ
بربيجي سکلين ايت اسه بري مينم اتو دلومرکن عافية اوليهڽ

**<u>Transliterasi</u>:**

SEBAGAI LAGI, ubat sakit leher bengkak yang tiada boleh berpaling atau tiada bengkak, sekadar sahaja sakit pun baik dan tiada boleh menelan sakitnya dan serta menelan sakit pun baik juga atau penawar segala yang bisa pun baik. Maka ambil cendana merah dan cendana putih dan buah pergam dan kacu dan tawas dan manjakani dan jekelang dan jelawai yang berbiji. Sekalian itu asah beri minum atau dilumurkan. Afiat olehnya.

# PENELITIAN SATU PRESKRIPSI

| | NAMA DALAM KITAB | NAMA SAINTIFIK |
|---|---|---|
| 1. | Cendana merah | *Pterocarpus santalinus* L.f. |
| 2. | Cendana putih | *Santalum album* L. |
| 3. | Buah pergam | *Elaeocarpus floribundus* Blume |
| 4. | Kacu | *Acacia catechu* (L.f.) Willd. |
| 5. | Tawas | Alum |
| 6. | Manjakani | *Quercus lusitanica* Lam. |
| 7. | Jakeling | *Terminalia belirica* Wall. |
| 8. | Jelawai | *Terminalia subspathulata* King |

**Cara penyediaan:**

- Ambil cendana merah, cendana putih, buag pergam, kacu, tawas, manjakani, jakeling, jelawai yang berbiji.
- Asah semuanya.

**Cara penggunaan:**

- Beri minum atau lumurkan.

# BAHAN-BAHAN DALAM PRESKRIPSI



1. Cendana merah
*Pterocarpus santalinum*



2. Cendana putih
*Santalum album*



3. Buah pergam
*Elaeocarpus floribundus*



4. Kacu
*Acacia catechu*



5. Tawas
Alum



6. Manjakani
Oak gall



7. Jakeling
*Terminalia bellirica*



8. Jelawai
*Terminalia subspathulata*

1. Cendana merah
2. Cendana putih
3. Buah pergam
4. Kacu
5. Tawas
6. Manjakani
7. Jakeling
8. Jelawai

# KEPERLUAN DALAM PENELITIAN KITAB PERUBATAN MELAYU



# KEMAHIRAN YANG DI PERLUKAN

- Asas membaca tulisan jawi
- Asas pengertian Bahasa Melayu lama
- Asas ilmu perubatan
- Asas materia medica

# ILMU YANG BOLEH DIKAJI

- Falsafah ilmu perubatan Melayu
- Kajian penyakit orang Melayu di zaman lampau
- Kajian materia medica

# KESIMPULAN


MSS 2999 KITAB TIB
OF A MALAY MEDICAL MANUSCRIPT
ABDUL GHANI HUSSAIN
PERALATAN
PERUBATAN
TRADISIONAL
Melayu
IBNU SINA
OXIMEL
NASEER SOBREE
OXIMEL

# KESIMPULAN

- Membuka pintu mengenal kehebatan ilmu Perubatan Melayu
- Membuka pintu memahami konsep ilmu Perubatan Melayu
- Membuka pintu hati untuk terus mengkaji ilmu Perubatan Melayu
- Memberi panduan kepada penyelidik untuk merangka penyelidikan

# USAHA KAMI UNTUK PENCERAHAN PENGKAJI









# TERIMA KASIH